

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua

Sidang Akademik 1999/2000

Februari 2000

HGW 371 - Geografi Wilayah ASEAN dan Asia Pasifik

[Masa: 3 jam]

---

**KERTAS PEPERIKSAAN INI MENGANDUNGI LAPAN [8] SOALAN DI DALAM DUA [2] HALAMAN.**

Jawab EMPAT [4] soalan; DUA [2] dari bahagian A dan DUA [2] lagi dari Bahagian B.

**Bahagian A:**

1. Perkembangan perindustrian di negara-negara ASEAN sejak 1960an menyaksikan perubahan di dalam struktur pekerjaan mengikut gender. Bincangkan dengan contoh-contoh.
2. Bincangkan faktor-faktor yang membawa perbezaan dalam kualiti tenaga buruh dan sumber manusia di wilayah-wilayah ASEAN dan Asia Timur.
3. Migrasi antarabangsa di negara-negara ASEAN berkait rapat dengan keadaan sumber manusia semasa. Bincangkan.
4. Bincangkan kemelesetan dan pemulihan ekonomi negara-negara ASEAN sejak 1997 hingga kini dan kesannya ke atas kesejahteraan penduduk di negara-negara tersebut.

**Bahagian B:**

5. **SAMA ADA:**

- [a] Bincangkan kerelevanan konsep perpaduan dalam kepelbagaian ASEAN masa kini.

**ATAU:**

- [b] Huraikan bagaimana sifat-sifat kesamaan dan perbezaan negara-negara ASEAN dapat dimanfaatkan untuk kemajuan ASEAN.

.../2

6. Berdasarkan contoh-contoh tertentu, huraikan bagaimana ciri-ciri kedudukan geografi Malaysia dengan sebuah negara APEC dapat dimanfaatkan dengan memberi tumpuan kepada perhubungan bilateral.
7. Huraikan bagaimana kerjasama dalam satu pertumbuhan segi tiga ASEAN dapat meningkatkan kerjasama serantau.
8. Berdasarkan kepada contoh-contoh tertentu, bincangkan bagaimana penubuhan AFTA meningkatkan tahap perdagangan dalaman ASEAN.

--oo000oo--